

23 JUN 2002

KENDURI KESYUKURAN UMNO KEDAH DITUNDA

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Kenduri kesyukuran Badan Perhubungan Umno Kedah esok, berikutan penarikan balik keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional, ditunda ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Kedah Rosnah Majid memberitahu Bernama bahawa kenduri syukur yang dirancangkan di kediaman rasmi Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain di Mentaloon ditangguhkan.

Beliau bagaimanapun tidak memberitahu sebab penangguhan itu.

-- BERNAMA

HK AZH NAK